

## **Terma & Syarat Penggunaan “Talian Panas Rakan Niaga” AEON**

Perjanjian ini (selepas ini disebut sebagai "Terma & Syarat") adalah di antara pengguna Talian Panas Rakan Niaga (selepas ini disebut sebagai “Pengguna” dan AEON Co., Ltd. (selepas ini disebut sebagai "AEON") mengenai syarat-syarat penggunaan “Talian Panas Rakan Niaga” AEON (termasuk aplikasi telefon pintar Genba-Wise (selepas ini disebut “Genba-Wise”) yang disediakan oleh ASSC) (secara kolektif kedua-duanya selepas ini disebut “Talian Panas Rakan Niaga)) yang disediakan oleh AEON dan The Global Alliance for Sustainable Supply Chain (selepas ini disebut sebagai "ASSC").

### Artikel 1 (Persetujuan dengan Terma & Syarat)

- 1 . Pengguna mestilah menggunakan Talian Panas Rakan Niaga berpandukan Terma & Syarat dan ketentuan Polisi Privasi Talian Panas Rakan Niaga.
- 2 . Sekiranya Pengguna itu di bawah umur, sila gunakan Talian Panas Rakan Niaga setelah mendapat persetujuan wakil sah seperti ibu bapa atau penjaga (termasuk persetujuan untuk Terma & Syarat ini). Di samping itu, jika Pengguna yang masih di bawah umur pada saat bersetuju dengan Terma & Syarat ini menggunakan Talian Panas Rakan Niaga setelah mencapai umur, tindakan penggunaan semasa di bawah umur akan dianggap sebagai persetujuan tambahan.
- 3 . Sekiranya terdapat terma & syarat penggunaan individu dalam Talian Panas Rakan Niaga, Pengguna mesti menggunakan Talian Panas Rakan Niaga sesuai dengan ketentuan terma & syarat penggunaan individu selain Terma & Syarat ini.

### Artikel 2 (Perubahan Terma & Syarat)

- 1 . AEON dapat mengubah Terma & Syarat ini pada bila-bila masa sahaja, berdasarkan ketentuan Artikel 548-4 Akta Sivill jika ada sebarang item berikut yang berlaku. Jika Terma & Syarat ini telah berubah, Terma & Syarat yang berubah itu akan terpakai untuk Talian Panas Rakan Niaga
  - (1) Apabila perubahan Terma & Syarat ini adalah untuk kepentingan umum pengguna
  - (2) Apabila perubahan Terma & Syarat ini tidak melanggar tujuan kontrak dan munasabah terhadap keperluan perubahan, kesesuaian kandungan yang diubah, isi dan keadaan lain yang berkaitan dengan perubahan tersebut.
2. Apabila AEON membuat perubahan pada Terma & Syarat ini, ia akan menetapkan tarikh efektif Terma & Syarat ini setelah perubahan tersebut, Pengguna hendaklah diberitahu tentang kandungan yang telah diubah dan masa efektif perjanjian ini sekurang-kurangnya 1 minggu lebih awal dari tarikh efektif, dengan memaparkannya di Talian Panas Rakan Niaga atau di tempat yang sesuai di laman web yang dikendalikan oleh AEON, atau dengan kaedah lain yang ditentukan.

3. Walau apa pun ketentuan dari dua perenggan sebelumnya, jika pengguna menggunakan Talian Panas Rakan Niaga setelah pemberitahuan perubahan Terma & Syarat ini seperti di perenggan sebelumnya atau jika pengguna tidak mengambil prosedur pembatalan dalam jangka waktu yang ditentukan AEON, Pengguna dianggap telah bersetuju untuk perubahan Terma & Syarat ini.
4. Pengguna yang menggunakan dengan cara yang berbeza dari Terma & Syarat ini, secara berasingan akan membuat kontrak perubahan dengan AEON mengenai perkara yang berbeza tersebut.

#### Artikel 3 (Ringkasan Perkhidmatan)

Pengguna boleh menggunakan perkhidmatan seperti yang termaktub di dalam Terma & Syarat ini yang disediakan oleh AEON dan dipanggil sebagai Talian Panas Rakan Niaga dan perkhidmatan lain seperti yang ditetapkan oleh AEON, antaranya bertujuan sebagai pemberi rundingan bagi pihak Pengguna, idea penambahbaikan/perkongsian masalah/lawatan siasatan mengenai tempat kerja Pengguna, pembinaan pengakalan data, analisa, polis ketika kecemasan, pemadaman api penyelamatan kecemasan dan lain-lain pemberitahuan kepentingan awam, dan juga sokongan dan bantuan untuk pembentukan pasukan pertimbangan di dalam AEON dll. AEON akan menanggung nombor bebas tol yang digunakan semasa menggunakan Talian Panas Rakan Niaga, dan Pengguna akan menanggung semua kos komunikasi yang diperlukan untuk menghantar dan menerima e-mel, melayari laman web, dan komunikasi lain.

#### Artikel 4 (Syarat Penggunaan Genba-Wise)

1. Semasa mendaftarkan kata laluan semasa menggunakan Genba-Wise, pengguna Genba-Wise mesti menguruskannya dengan ketat atas risiko mereka sendiri agar tidak digunakan secara salah. ASSC boleh menganggap bahawa semua tindakan yang dilakukan menggunakan kata laluan yang didaftarkan adalah sebagai tindakan pengguna itu sendiri.
2. Pengguna yang telah mendaftar dengan Genba-Wise dapat memadam dan membatalkan akaun mereka pada bila-bila masa sahaja.
3. ASSC boleh menggantung atau memadam akaun tanpa pemberitahuan kepada Pengguna terlebih dahulu jika Pengguna didapati telah melanggar atau mungkin melanggar Terma & Syarat ini.
4. Semua hak Pengguna untuk Genba-Wise akan tamat apabila akaun dipadam dengan apa jua alasan sekalipun. Harap maklum bahawa walaupun Pengguna memadam akaun secara tidak sengaja sekalipun, akaun tersebut tidak akan dapat diperolehi kembali.
5. Akaun Genba-Wise adalah milik Pengguna secara eksklusif. Semua hak penggunaan Genba-Wise tidak boleh diserahkan, dipinjam atau diwariskan kepada pihak ketiga.

6. Anda tidak boleh mempunyai lebih dari satu akaun peribadi Genba-Wise.
7. Sekiranya akaun peribadi Genba-Wise anda digantung oleh ASSC, anda tidak akan dapat membuat akaun baru tanpa kebenaran ASSC.

#### Artikel 5 (Penyediaan Perkhidmatan)

1. Pengguna atau AEON mesti menyediakan peranti pintar, peralatan komunikasi, sistem operasi, alat komunikasi, kuasa elektrik dan lain-lain yang diperlukan untuk menggunakan Genba-Wise, dengan kepercayaan dan tanggungjawab. Sekiranya Pengguna di bawah umur, gunakan setelah mendapat kebenaran dari AEON atau wakil sah seperti ibu bapa atau penjaga.
2. AEON menyediakan semua atau sebahagian daripada Talian Panas Rakan Niaga, dengan tujuan menerima penyediaan perkhidmatan kepada Pengguna dengan atau tanpa pengesahan umur atau identiti, terhadap kepada Pengguna yang boleh menyediakan semua maklumat (selepas ini disebut "Maklumat Pendaftaran") dan memenuhi syarat-syarat yang dinilai perlu oleh AEON atau ASSC.
3. Pengguna akan menggunakan Talian Panas Rakan Niaga setelah mengesahkan syarat yang ditentukan oleh AEON dan ASSC, seperti nama, kandungan, umur dan persekitaran penggunaan Talian Panas Rakan Niaga, dengan mengikut syarat-syarat berkenaan, dalam skop yang ditentukan oleh AEON dan ASSC.
4. AEON berhak menetapkan atau mengubah nama atau skop penggunaan Talian Panas Rakan Niaga dll., tanpa sebarang alasan dan tanpa pemberitahuan atau makluman terlebih dahulu kepada pengguna. Selain itu, semua atau sebahagian fungsi Talian Panas Rakan Niaga juga boleh ditetap, ditambah, dipadam, diubah kandungan, ditangguh atau dihapuskan.
5. AEON dan ASSC boleh menggunakan semua maklumat pada Talian Panas Rakan Niaga termasuk rundingan menerusi Talian Panas Rakan Niaga, secara bebas di dalam skop yang difikirkan perlu, bagi tujuan penambahbaikan atau pengesanan awal masalah hak pekerja dalam rantaian bekalan.
6. Kandungan rundingan Pengguna akan disimpan untuk tujuan audit, arkib, back up dalam jangka masa yang wajar oleh AEON dan ASSC walaupun selepas Pengguna membatalkan pendaftaran, oleh itu Pengguna bersetuju akan simpanan salinan arkib rekod pengguna yang diwajibkan undang-undang atau bertujuan untuk kegunaan tugas yang sah.

#### Artikel 6 (Soal Selidik)

1. AEON dan ASSC boleh meminta pengguna untuk menjawab, memilih, dan menghantar melalui laman web dan e-mel soal selidik (soalan) untuk tujuan menyelidiki atribut, trend, pendapat, dll. (selepas ini disebut sebagai "soal selidik") pada bila-bila masa.

2. Hak harta intelek seperti hak cipta dan semua hak lain yang timbul sebagai tindak balas kepada soal selidik oleh Pengguna akan berpindah kepada AEON atau ASSC sebaik sahaja Pengguna menghantar jawapan kepada AEON atau ASSC, maka AEON atau ASSC boleh menggunakan maklumat yang terkandung dalam jawapan untuk mengendalikan maklumat peribadi/pendaftaran seperti yang ditetapkan dalam Artikel 8.

#### Artikel 7 (Pengurusan Maklumat Pengesahan dan Perubahan Maklumat Pendaftaran)

1. Pengguna Genba-Wise akan menguruskan segala maklumat seperti ID, kata laluan dan maklumat pendaftaran lain yang diperlukan ASSC untuk mengesahkan sambungan dari Pengguna (selepas ini disebut sebagai "Maklumat Pengesahan") dengan tanggungjawab mereka sendiri dan dengan perbelanjaan sendiri, dan Maklumat Pengesahan tidak boleh dilupuskan atau didedahkan kepada pihak ketiga untuk digunakan, dipindahkan, diturunkan atau dijanjikan kepada pihak ketiga.
2. Pengguna akan bertanggungjawab atas kerugian yang disebabkan oleh kebocoran maklumat, kesilapan penggunaan, penggunaan oleh pihak ketiga, akses tanpa izin, dll. Maklumat Pengesahan akibat pengurusan Pengguna Genba-Wise yang tidak mencukupi, manakala AEON dan ASSC tidak akan bertanggungjawab kecuali ada kecuaiian serius atau yang disengajakan oleh pihak AEON atau ASSC. Sekiranya Maklumat Pengesahan digunakan secara tidak betul lalu menyebabkan kerosakan pada AEON, ASSC atau pihak ketiga, Pengguna akan membayar ganti rugi tersebut.
3. Pengguna Genba-Wise hendaklah melaporkan dengan segera kepada AEON dan ASSC, menggunakan cara yang telah ditetapkan oleh Terma & Syarat ini atau kaedah ditetapkan oleh ASSC, sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat pendaftaran, Maklumat Pengesahan telah diketahui atau terdapat kecurigaan ia mungkin digunakan pihak ketiga. Di samping itu kami akan mengambil langkah terbaik untuk menghentikan penggunaan Maklumat Pengesahan oleh pihak ketiga jika ia berlaku, maka sekiranya terdapat arahan daripada AEON atau ASSC sila patuhinya.
4. Sekiranya Pengguna Genba-Wise mengalami kerugian akibat tidak mengambil langkah-langkah pelaporan seperti yang dinyatakan dalam perenggan sebelum, AEON dan ASSC tidak akan bertanggungjawab sama sekali kecuali ada kecuaiian serius atau yang disengajakan oleh pihak AEON atau ASSC.
5. Sekiranya pengguna Genba-Wise tidak membuat laporan seperti dalam perenggan 3 Artikel ini, AEON dan ASSC boleh membuat anggapan bahawa Pengguna tersebut telah membatalkan pendaftaran.

#### Artikel 8 (Maklumat Pendaftaran/Maklumat Peribadi)

1. AEON dan ASSC akan menggunakan maklumat pendaftaran untuk tujuan seperti dalam item-item berikut.
  - (1) Operasi Talian Panas Rakan Niaga (termasuk pemberian semua maklumat dari ASSC kepada AEON atau Pengguna)
  - (2) Menyediakan maklumat mengenai perkhidmatan AEON atau ASSC (tidak terhad kepada Talian Panas Rakan Niaga) yang dianggap bermanfaat oleh AEON atau ASSC atau produk dan perkhidmatan pengiklan dan syarikat rakan kongsi, kepada Pengguna.
  - (3) Analisis kajian soal selidik atau hasil yang berkenaan untuk kawalan kualiti Talian Panas Rakan Niaga
  - (4) Menghubungi Pengguna mengenai perkara yang mempengaruhi operasi Talian Panas Rakan Niaga secara signifikan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan besar dan penggantungan kandungan Talian Panas Rakan Niaga)
  - (5) Menghubungi untuk meminta persetujuan ke atas pengendalian maklumat peribadi pengguna
2. Pengguna bersetuju bahawa AEON dan ASSC akan mendedahkan maklumat yang didaftarkan kepada pihak ketiga selain daripada orang itu sendiri dalam kes-kes seperti berikut.
  - (1) Apabila mengumpulkan dan menganalisis maklumat yang didaftarkan untuk tujuan memperbaiki Talian Panas Rakan Niaga atau perkhidmatan yang berkaitan atau mengembangkan perniagaan yang berkaitan
  - (2) Apabila mendedahkan atau memberikan kepada pihak ketiga apa-apa yang diperolehi daripada pengumpulan dan analisis item sebelumnya yang tidak dapat membezakan atau mengenal pasti
  - (3) Pendedahan dan penggunaan maklumat berdaftar jika persetujuan Pengguna maklumat peribadi itu telah diperolehi
  - (4) Apabila dianggap perlu untuk mendedahkan atau menggunakan maklumat pendaftaran untuk memberikan perkhidmatan yang diinginkan oleh AEON atau Pengguna.
  - (5) Apabila pihak ketiga seperti rakan kongsi dll. memerlukan maklumat pendaftaran bertujuan menyediakan perkhidmatan yang diminta oleh AEON atau Pengguna (nota: pihak ketiga seperti rakan kongsi dll yang berkenaan, tidak boleh menggunakan melebihi skop yang diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan, maklumat pendaftaran yang disediakan oleh ASSC)
  - (6) Apabila dikehendaki oleh undang-undang
  - (7) Apabila perlu untuk melindungi nyawa, badan atau harta benda ASSC, AEON, Pengguna atau pihak ketiga lain, atau sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh AEON atau ASSC

- (8) Apabila terdapat keperluan tertentu untuk meningkatkan kesihatan awam atau mempromosikan perkembangan kanak-kanak yang baik
- (9) Apabila perlu bagi institusi nasional atau badan awam setempat atau orang yang dipercayakan untuk bekerjasama dalam menjalankan urusan yang ditentukan oleh undang-undang dan peraturan, atau ketika diminta untuk pendedahan yang sah.
3. AEON dan ASSC akan mengendalikan maklumat peribadi berdasarkan Polisi Privasi "Talian Panas Rakan Niaga" AEON.
4. Pengguna boleh meminta pendedahan, pemadaman, pembetulan atau penggantungan penggunaan maklumat pendaftaran, dan AEON akan segera bertindak balas hanya setelah dapat disahkan bahawa permintaan itu dari Pengguna itu sendiri.

#### Artikel 9 (Penggantungan Penggunaan, dll.)

1. AEON berhak mengambil langkah-langkah sesuai seperti menggantung penggunaan sepenuhnya atau sebahagian Talian Panas Rakan Niaga terhadap Pengguna yang berkaitan dengan segera di atas budi bicara AEON, tanpa memberitahu atau memaklumkan Pengguna terlebih dahulu dan juga tidak perlu persetujuan Pengguna, jika AEON menilai bahawa Pengguna terlibat atau dikhuatiri terlibat dengan salah satu sebab berikut. Nota: sekiranya alamat e-mel yang didaftarkan tidak berfungsi, kami menganggap bahawa Pengguna berkaitan telahpun diberitahu dengan mengambil langkah-langkah berikut.
  - (1) Apabila melanggar Terma & Syarat Penggunaan ini
  - (2) Apabila maklumat yang didaftarkan adalah salah atau tidak betul
  - (3) Apabila disahkan bahawa alamat e-mel yang didaftarkan tidak berfungsi
  - (4) Apabila mendaftar sebagai Pengguna Genba-Wise dengan menyamar sebagai pihak ketiga
  - (5) Apabila Pengguna berhenti kerja dari syarikat Vendor AEON.
  - (6) Apabila pengguna mati
  - (7) Di samping itu, apabila AEON menilai bahawa Pengguna tidak sesuai
2. Dalam kes perenggan sebelum ini, jika Aeon atau ASSC mengalami kerugian, Pengguna harus membayar ganti rugi kepada AEON atau ASSC.
3. ASSC tidak berkewajiban untuk mendedahkan kepada Pengguna, sebab untuk langkah-langkah diambil seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 1.

#### Artikel 10 (Hak Harta Intelek dll.)

1. Hak harta intelek, hak potret, hak publisiti, hak peribadi, hak pemilikan dan hak-hak harta lain dan semua hakcipta (termasuk hak yang ditentukan dalam Artikel 27 atau 28 Akta Hakcipta) yang terdapat dalam teks, gambar, video, program dan maklumat lain yang membentuk Talian Panas Rakan Niaga termasuk Genba-Wise dan adalah milik AEON atau ASSC.

2. Pengguna bersetuju bahawa AEON dan ASSC boleh menggunakan dalam segala aspek, menterjemah dll. semua maklumat (termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat teks, maklumat gambar, dll.) yang telah dihantar, dimuat naik dan disimpan oleh Pengguna dalam Talian Panas Rakan Niaga dengan tujuan kelancaran operasi dan penambahbaikan Talian Panas Rakan Niaga, pengiklanan Talian Panas Rakan Niaga, dan lain-lain perkara (termasuk artikel dan kandungan pengenalan melalui penyiaran di media pihak ketiga).
3. Pengguna bersetuju untuk tidak menggunakan hak moral kepada ASSC dan AEON dan mereka yang telah mewarisi atau dipersetujui hak tersebut dari ASSC.
4. Sekiranya masalah seperti pelanggaran hak pihak ketiga berlaku berkaitan dengan karya Pengguna sendiri, pengguna akan menyelesaikan masalah tersebut dengan perbelanjaan dan tanggungjawabnya sendiri, dan tidak akan menimbulkan kesulitan atau kerugian kepada AEON dan ASSC.

#### Artikel 11 (Perkara-perkara dilarang)

1. Pengguna tidak boleh melakukan perkara yang dilarang seperti berikut.
  - (1) Pengisytiharan palsu
  - (2) Tindakan yang mengganggu Talian Panas Rakan Niaga
  - (3) Apa sahaja yang memfitnah atau menohmah Pengguna lain, Pengguna, AEON, ASSC atau pihak ketiga atau melanggar hak-hak mereka
2. Sekiranya Pengguna melanggar mana-mana perkara yang dilarang yang dinyatakan dalam perenggan sebelum, AEON dan ASSC berhak menuntut bayaran pampasan (termasuk bayaran peguam yang munasabah) dari pengguna kerana perbuatan tersebut.

#### Artikel 12 (Penggantungan/Pembatalan/Penamatan Talian Panas Rakan Niaga)

1. AEON boleh menggantung semua atau sebahagian daripada Talian Panas Rakan Niaga jika ia disebabkan oleh salah satu sebab berikut.
  - (1) Apabila AEON atau ASSC mahu memeriksa atau menyelenggara sistem komputer untuk menyediakan Talian Panas Rakan Niaga secara berkala atau kecemasan
  - (2) Apabila operasi Talian Panas Rakan Niaga menjadi mustahil kerana berlaku kecemasan seperti kebakaran, gangguan bekalan elektrik, atau bencana alam.
  - (3) Apabila operasi Talian Panas Rakan Niaga menjadi mustahil kerana perang, perang saudara, rusuhan, pergolakan, pertikaian buruh, dll.
  - (4) Apabila Talian Panas Rakan Niaga tidak dapat disediakan kerana sistem komputer yang rosak untuk menyediakan perkhidmatan, akses tidak sah dari pihak ketiga, jangkitan virus komputer, dll.

- (5) Apabila Talian Panas Rakan Niaga atau perkhidmatan Pengguna tidak dapat disediakan kerana tindakan berdasarkan undang-undang dan peraturan
  - (6) Di samping itu, apabila dinilai terpaksa dihentikan oleh AEON atau ASSC.
2. Sekiranya AEON menggantung operasi Talian Panas Rakan Niaga menurut perenggan sebelum, AEON akan memberitahu Pengguna terlebih dahulu melalui e-mel atau cara lain dalam skop yang munasabah. Walau bagaimanapun, ini tidak akan berlaku pada waktu kecemasan.

#### Artikel 13 (Penafian)

1. AEON dan ASSC tidak menjamin kesahihan, ketepatan, kesesuaian, kesahan, moral, atau persetujuan hak sebarang maklumat yang terkandung dalam Talian Panas Rakan Niaga.
2. AEON dan ASSC tidak akan bertanggungjawab sama sekali kecuali ada kecuaiian serius atau yang disengajakan oleh pihak AEON atau ASSC sekiranya dalam menggunakan Talian Panas Rakan Niaga, berlakunya masalah (perlanggaran undang-undang, cadangan pelanggaran undang-undang dan peraturan atau tindakan yang bertentangan dengan ketenteraman dan moral masyarakat, tohmahan, penghinaan, pelanggaran privasi, ugutan, fitnah, gangguan, dll.) yang berlaku antara Pengguna dan antara Pengguna dengan pihak ketiga.
3. AEON dan ASSC juga tidak akan bertanggungjawab sama sekali kecuali ada kecuaiian serius atau yang disengajakan oleh pihak AEON atau ASSC, atas sebarang kerugian (termasuk, tetapi tidak terhad kepada kehilangan maklumat dll.) kepada Pengguna akibat penggantungan/pembatalan/penamatan Talian Panas Rakan Niaga dan perubahan Talian Panas Rakan Niaga menurut Perenggan 3 dari Artikel yang sama.
4. AEON dan ASSC tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian disebabkan oleh persekitaran komputer peribadi, terminal telefon pintar, terminal mudah alih, talian, perisian, jangkitan virus komputer dan lain-lain yang digunakan oleh pengguna. Di samping itu, AEON dan ASSC boleh memberitahu pengguna tentang persekitaran berkaitan dll. dengan kaedah yang ditentukan secara berasingan.
5. Sebagai tambahan kepada item yang disenaraikan dalam perenggan sebelum ini, AEON dan ASSC tidak akan bertanggungjawab kecuali ada kecuaiian serius atau yang disengajakan oleh pihak AEON atau ASSC ke atas segala kerugian kepada Pengguna disebabkan penggunaan Talian Panas Rakan Niaga.

#### Artikel 14 (Mahkamah Rundingan/Mentadbir)

1. Sekiranya timbul keraguan atau masalah antara pengguna, AEON, ASSC, atau pihak ketiga yang berkaitan dengan Talian Panas Rakan Niaga, kami akan membincangkan dengan suci hati dan berusaha menyelesaikannya.



2. Untuk semua prosiding dan perselisihan lain mengenai Terma & Syarat ini, ia akan terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Perdagangan Tokyo atau Mahkamah Daerah Tokyo untuk pendengaran pertama.

Artikel 15 (Akta yang mentadbir)

Terma & Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan sesuai dengan undang-undang Jepun.